

KKR lulus dana RM668 juta bina 517 bilik darjah tambahan

517 surat setuju terima projek sudah dikeluarkan kepada kontraktor

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuala Nerus: Kementerian Kerja Raya (KKR) meluluskan dana RM668 juta untuk pembinaan 517 bilik darjah tambahan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Dr Ahmad Maslan, berkata pembinaan bilik darjah tambahan menggunakan modul Sistem Binaan Berindustri (IBS) diluluskan kepada Kementerian Pendidikan (KPM) sebagai persiapan kemasukan murid Tahun Satu pada sesi persekolahan tahun depan.

Katanya, sebanyak 517 surat setuju terima projek sudah dikeluarkan kepada kontraktor.

“Semua projek pembinaan bilik darjah tambahan perlu disiapkan sebelum akhir tahun ini



Fadhlina bersama Ahmad pada majlis penyerahan projek SMK Tok Jembal di Kuala Nerus, semalam.

(Foto Ghazali Kori/BH)

sebagai persediaan awal Kementerian Pendidikan menerima kemasukan murid Tahun Satu pada sesi persekolahan tahun depan,” katanya di sini, semalam.

Ahmad berkata demikian pada majlis penyerahan projek Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tok Jembal kepada Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Ahmad berkata, Selangor negeri tertinggi menerima pem-

binaan bilik darjah tambahan, iaitu 143 projek.

Beliau berkata, JKR Terengganu pula menyelia 111 projek membabitkan dana RM302 juta, iaitu pembinaan dewan terbuka berbumbung dan bilik darjah tambahan.

Kemuka bukti kepada DOSM
Sementara itu, di Pasir Puteh, Ahmad meminta persatuan kon-

traktor yang mendakwa berlaku kenaikan kos harga binaan supaya mengemuka bukti kepada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) untuk pertimbangan Syarat Perubahan Harga (VOP).

Beliau berkata, berdasarkan kenyataan DOSM pada 10 Ogos lalu, tiga barang iaitu besi dan simen hanya berlaku kenaikan tidak sampai satu peratus, manakala simen pula berlaku ke-

naikan sehingga 19 peratus di negeri tertentu.

“Saya tidak menuduh persatuan kontraktor memberikan maklumat yang silap, sebaliknya saya khuatir DOSM yang memberikan maklumat yang silap,” katanya selepas Majlis Penyerahan Pembinaan Bangunan Tambahan Kolej Matrikulasi Kelantan kepada Kementerian Pendidikan.